

Menggemilangkan Chow Kit

Oleh NOR AZAN FITRI
AHMAD HIDZIR

KAMPUNG BARU 30 Nov. - Kementerian Wilayah Persekutuan berhasrat mengembalikan kegemilangan Chow Kit sebagai pusat tumpuan orang ramai khususnya di kalangan pelancong yang datang ke Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, ia merupakan satu lagi usaha Kementerian untuk memastikan Chow Kit tidak tercicir daripada arus pembangunan dan pembaharuan yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Beliau menjelaskan, pihaknya juga mahu mengembalikan semula jenama kawasan tersebut supaya mampu berdiri seiring dengan kawasan-kawasan ternama yang lain di sekitar ibu negara sebagai sebuah kawasan pelancongan yang tersohor.

"Kami tidak mahu kawasan Chow Kit terus terpinggir daripada arus pembangunan dan kami juga ingin mengembalikan semula imejnya sebagai sebuah tempat yang terkenal di Kuala Lumpur."

"Chow Kit ini merupakan sebuah kawasan yang berkecual dengan gerai-gerai penjaja dan memiliki identitinya yang tersendiri, justeru saya yakin matlamat ini boleh dicapai sekiranya semua pihak termasuk kerajaan memainkan peranan untuk menjadikannya sebagai realiti," katanya.



ZULHASNAN Rafique melepaskan belon sambil diperhatikan oleh Ahmad Phasal Talib (kiri) pada majlis pelancaran Program Gerakan Tumpuan Kawasan Chow Kit di Jalan Dewan Sultan Sulaiman, Kampung Baru, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Gerakan Tumpuan (PGT) Kawasan Chow Kit di Jalan Dewan Sultan Sulaiman, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Da-

tuk Ahmad Phasal Talib, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DB-KL), Datuk Mohd. Amin Nordin Abdul Aziz dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Sabtu Osman. Zulhasnan berkata, PGT merupakan



PASAR Chow Kit yang daif ini seharusnya mendapat keutamaan dalam Program Gerakan Tumpuan yang bakal digerakkan oleh DBKL.

satu projek utama di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang menjurus ke arah pembangunan modal insan di sekitar Wilayah Persekutuan.

Jelasnya, pelaksanaan PGT di kawasan Chow Kit difokuskan kepada beberapa aspek utama iaitu penguat-

kuasaan daripada pihak berkuasa, peningkatan kemudahan infrastruktur dan juga penyertaan yang lebih ramai daripada semua pihak.

"Adalah menjadi hasrat saya, DB-KL dan agensi-agensi kerajaan lain dapat bersama-sama memberi tum-

puhan kepada kawasan Chow Kit untuk melaksanakan program-program yang boleh menjurus kepada kemasyhuran jenamanya.

"Saya percaya kejayaan boleh dicapai jika faktor-faktor seperti kebersihan kawasan, keselamatan dan penjajaan yang teratur diberikan fokus utama dalam usaha merealisasikan projek ini," jelasnya.

Beliau memberitahu, tumpuan pembangunan tidak boleh sekadar diberikan kepada aspek fizikal semata-mata tanpa memberikan keseimbangan terhadap pembangunan insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berperadaban.

Jelasnya, semua pihak berkuasa termasuk polis, jabatan imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan untuk membendung kawasan tersebut daripada unsur-unsur jenayah.

Beliau turut mengingatkan penduduk agar tidak terlalu ghairah untuk mengejar kejayaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isu-isu alam sekitar terutamanya pencemaran.

"Saya memohon penduduk di sekitar kawasan ini untuk membantu kerajaan mengurangkan pencemaran alam sekitar kerana ia bukan sahaja memberi kesan negatif kepada kesejahteraan penduduk malah turut memberi kesan kepada kesihatan dan juga pertumbuhan ekonomi," katanya.